

Beku permit lombong pasir

KOSEM UJ

SEREMBAN - Kerajaan negeri mengetatkan kawalan terhadap alam sekitar dengan membekukan permit melombong pasir baik di tanah kerajaan mahupun persendirian berkuatkuasa semalam.

La hasil keputusan mesyuarat Exco semalam selepas mengambil kira ada tapak lombong pasir tidak diselia dengan baik sehingga mencetuskan masalah keselamatan selain pencemaran.

Menurut Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, ada kerja melombong pasir meninggalkan kesan lubang besar serta menjadikan sungai berdekatan cetek.

Justeru katanya, permit baru tidak akan diberikan untuk mengelak tragedi di kawasan melombong.

Mohamad juga menjelaskan, Kanun Tanah Negara dan Akta Perlombongan juga akan dikaji semula memandangkan tiada tertera syarat menutup lubang selepas kerja-kerja melombong pasir dilakukan.

Beliau bagaimanapun yakin keputusan kerajaan negeri itu tidak akan menjejaskan sektor pembinaan yang banyak bergantung kepada bekalan pasir.

Alasan beliau ialah tahap pengeluaran pasir di negeri itu melebihi permintaan, malah dieksport ke negeri-negeri jiran.